

Siti Farahiyah Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Membebankan! Itu keluhan masyarakat terhadap kenaikan harga ayam pada musim perayaan ini.

Tinjauan Harian Metro di pasar sekitar ibu negara mendapati harga ayam di pasaran kini meningkat naik sehingga RM20 seekor.

Suri rumah Fadhilah Yusof, 42, mengakui sanggup datang dari Ampang ke Pasar Basah Chow Kit untuk mendapatkan barangan keperluan dapur yang murah.

"Namun, selepas sampai sini, sangkaan saya meleset apabila harga ayam paling murah RM8.50 seekilogram (kg).

"Susah kalau tiada ayam kerana menjadi pilihan utama anak berbanding ikan atau daging," katanya, di sini, semalam.

Menurutnya, disebabkan kenaikan itu, dia perlu rancang semula perbelanjaan harian kerana daging tempatan juga mahal dan hanya mampu membeli daging import.

Berkongsi pendapat sama, Rashidi Ramli, 52, yang bekerja sendiri berkata, dia juga terpaksa membeli barang mentah walaupun harga melambung.

"Jika dibandingkan sebelum ini, harga ayam RM6.50 seekilogram, kemudian meningkat RM7 seekilogram pada bulan puasa dan sekarang ini kenaikan

sehingga RM9.

"Walaupun harga sayuran, ikan serta buah tidak meningkat mendadak dan ada lebih murah berbanding sebelum ini, tapi ayam tetap menjadi hidangan utama tetamu pada musim perayaan," katanya.

Manakala, peniaga Kholid Kedri, 22, berkata, mereka bukan sewenang-wenangnya menaikkan harga bahan mentah tapi ia bergantung kepada pembekal.

"Pembekal beritahu kami stok ayam berkurangan kerana permintaan meningkat dan saya menampah 20 bakul tapi yang sampai hanya 18 bakul ayam.

"Sepanjang tempoh tiga tahun berniaga, tahun ini paling teruk kerana bukan saja ayam tidak cukup, tapi harga juga meningkat," katanya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Kuala Lumpur Mohd Joha Bahran berkata, pemeriksaan mendapati jumlah ayam setakat ini mencukupi, tetapi bekalan daripada pembekal berkurangan.

"Ada peniaga yang menampah 70 bakul ayam tapi hanya sampai kepada mereka 50 bakul.


"Dari segi harga pula, peniaga menjual RM8.50 hingga RM9 seekilogram kerana harga daripada pembekal adalah RM8 hingga RM8.30 seekilogram," katanya.

RM9 >> Harga jualan seekilogram ayam




HARGA AYAM MELAMBUNG

RM20 seekor!



TINJAUAN harga ayam di sekitar pasar Kuala Lumpur.



Saiz kecil harga mahal

Kuantan: Pemborong di sekitar daerah ini memberi alasan mendapat ayam bersaiz kecil daripada pembekal menyebabkan mereka menaikkan harga 20 hingga 30 sen bagi seekilogram.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Pahang Sharuddin Jali berkata, mereka mendakwa kos proses membersihkan ayam seperti mencabut bulu dan mengeluarkan organ dalaman meningkat apabila saiz ternakan itu kecil.

"Justeru, ia perlu diambil kira dalam harga ayam yang dijual kepada peniaga. Me-



SHARUDDIN (kanan) membuat pemeriksaan dalam operasi khas kenaikan harga ayam.

reka juga mendakwa pembekal menetapkan harga bermula RM8.50 seekilogram.

"Di negeri ini, pemeriksaan mendapati tiada masalah berkaitan kuantiti atau

bekalan ayam, sebaliknya yang berlaku adalah kualiti ayam," katanya pada sidang media selepas operasi khas kenaikan harga ayam di Syarikat Niaga Maju Trading, Sungai Soi di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mengeluarkan notis tunjuk sebab mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kepada enam pemborong ayam di daerah ini.

"Mereka perlu memberi penjelasan dalam tempoh tujuh hari dan ia membantu KPDNKK dalam membuat siasatan lanjut mengenai kenaikan harga ayam," katanya.

Menurutnya, pihaknya menerima enam aduan berhubung kenaikan harga ayam melampau daerah ini sehingga semalam.

"Aduan itu membabitkan kenaikan harga antara RM10 hingga RM13 di Pasar Besar Kuantan serta beberapa premis di Balok.

"Kami terus ambil tindakan siasat premis berkenaan. Kami kaji punca kenaikan harga ayam," katanya.

Beliau juga menolak kemungkinan harga ayam di negeri ini meningkat berikutan wabak bronkitis berjangkit (IB) kerana setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri belum mengesahkan kewujudan wabak itu di Pahang.